

Duta Turkiye rakam penghargaan

Kuala Lumpur: Kunjungan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Turkiye bukan sahaja mencerminkan solidariti bersama rakyat Turkiye yang terjejas akibat gempa bumi, tetapi juga untuk menyatakan sokongan ikhlasnya dan menyuntik motivasi kepada anggota pasukan penyelamat Malaysia yang bertugas di kawasan bencana.

Duta Besar Turkiye ke Malaysia, Emir Salim Yuksel merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Anwar serta rakyat Malaysia atas solidariti dan altruisme terhadap mangsa gempa bumi.

Beliau berkata lawatan itu jelas menunjukkan perdana menteri Malaysia memahami masalah yang dihadapi rakyat Turkiye ketika ini.

“Kerajaan Turkiye-Malaysia menjalin hubungan rapat dan Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Malaysia (Anwar) adalah kawan rapat presiden kami (Recep Tayyip Erdogan).

“Beliau (Anwar) memutuskan untuk melihat sendiri Pasukan Bantuan dan Penyelamat Khas Malaysia (SMART) bertugas di lokasi bencana. Jadi ia (bersolidariti) dengan kami dan pasukan Malaysia... ia adalah satu inisiatif yang baik,” katanya kepada *BERNAMA* selepas menjadi tetamu dalam program *‘The Brief’ Bernama TV* bertajuk *‘Turkiye Quake and Global Relief Efforts’* di Wisma Bernama di sini.

Anwar berlepas ke Turkiye malam kelmarin untuk memberi so-

kongan moral kepada Erdogan dan rakyatnya yang terjejas akibat bencana alam 6 Februari lalu.

Perdana Menteri Malaysia memutuskan untuk membuat lawatan berkenaan atas permintaan Erdogan.

Malaysia telah menghantar dua pasukan SMART termasuk dua anjing pengesan (K9) serta membantu mewujudkan hospital lapangan yang dikendalikan oleh angkatan tentera bagi menyediakan perkhidmatan perubahan.

Mengenai peranan Malaysia dalam membantu membina dan membangunkan semula wilayah yang terjejas akibat gempa bumi, Yuksel berkata pelan pembinaan semula perlu dirangka oleh kerajaan Turkiye kerana ia melibatkan kawasan yang luas.